

09/11/1997

Kempen gagal atau salah kira pokok?

ALKISAHNYA Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh dilaporkan berkata beliau tidak puas hati dengan beberapa kerajaan negeri yang gagal menyahut kempen menanam pokok sejak dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Februari lalu.

Menurut beliau, walaupun sasaran 750,000 pokok harus ditanam di seluruh negara dalam setahun sudah ditetapkan, sehingga akhir Oktober, hanya 153,000 pokok atau 20.5 peratus yang sudah ditanam.

Kalau ikut jumlah itu, sasaran tiga juta pokok ditanam menjelang tahun 2000 tentulah tidak boleh dipenuhi.

Teman tidak tahu apa sebabnya perkara yang begitu mudah dilakukan di negeri-negeri ini tidak dapat dilaksanakan. Ada dua sebab sahaja yang teman boleh fikir. Pertama kerajaan negeri tak tanam pokok seperti diarah atau mereka tanam tetapi pokok mati.

Namun apa yang menghairankan ialah kenyataan daripada negeri yang menyebut kempen tanam pokok berjaya. Jadi apakah statistik yang diperolehi oleh menteri tidak sama dengan yang ada pada pemimpin peringkat negeri? Contohnya, di Perak, kempen tanam pokok dilaporkan dapat sambutan bukan sahaja di kalangan jabatan serta agensi kerajaan, sektor swasta tetapi juga pertubuhan sukarela dan sekolah.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib kata, daripada usaha pelbagai pihak kerajaan negeri mencapai 93 peratus daripada 90,000 sasaran pokok yang ditanam tahun ini.

Sebanyak 78,990 pokok ditanam di seluruh Perak sehingga September lalu dan baki tujuh peratus itu akan dapat ditanam penghujung bulan depan, katanya.

Di Terengganu, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad kata negeri itu dah tanam pokok-pokok teduhan. Katanya, tanaman pokok tertumpu terutama di kawasan tepi pantai selain di bahu jalan dan juga taman rekreasi.

Beliau beri contoh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu yang tanam lebih 2,000 pokok teduhan seperti pokok jati, kelapa, beruas, teja dan pokok angsa tahun ini.

"Pokok-pokok itu dapat lihat di sepanjang jalan lapangan terbang, Jalan Bukit Besar dan kawasan masjid Tengku Intan Zaharah," katanya.

Di Melaka, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Mo'min Abdul Aziz pula kata kerajaan negeri dah capai tahap 85 peratus program penanaman pokoknya yang membabitkan kawasan bahu jalan, taman perumahan dan kawasan taman rekreasi.

Cuma keengganan sesetengah pemaaju perumahan memberi kerjasama menjadi punca utama pelaksanaan kempen itu di sini tidak berjalan lancar, katanya.

Di Kangar, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata program 'Sebuah Rumah, Sepohon Durian' akan menjadikan Perlis sebagai antara pengeluar utama buah berkenaan menjelang abad ke-21.

Yayasan Pok dan Kassim (YPK) akan menjadi penyumbang ke arah menjayakan program itu dengan membekalkan benih durian terutama dari jenis B39 secara percuma, kata Shahidan yang juga Pengerusi YPK.

Di Kuantan, Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob kata Pahang dah tanam pokok melebihi sasaran. Katanya, di kawasan pihak berkuasa kerajaan tempatan Temerloh 22,727 pokok ditanam pada tempoh Januari hingga Oktober lalu manakala di Maran (4,040), Raub (2,248), Bentong (630) dan Rompin (281).

Dalam satu program di Kuantan baru-baru ini 8,300 pokok ditanam manakala

bagi program Rakan Cinta Alam di Bandar Indera Mahkota, 3,800 pokok ditanam.

Teman naik pening macam mana lapo-ran jumlah pokok berkaitan kempen itu berbeza-beza. Kalau perkara seperti tanam pokok pun boleh jadi macam ni, apalah agaknya yang terjadi pada perkara yang lebih besar.

(END)